

**PANDUAN PERMOHONAN UNDI POS MELALUI
MySPR DAFTAR:**

**PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN
(*ONLINE*)**

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
(SPR)**

PERKARA

MUKASURAT

1.0	<u>PRA-SYARAT PERMOHONAN UNDI POS SECARA <i>ONLINE</i></u>	3
2.0	<u>KAEDAH PERMOHONAN UNDI POS SECARA <i>ONLINE</i></u>	5
3.0	<u>PEMBATALAN PERMOHONAN UNDI POS</u>	16
4.0	<u>PERTANYAAN</u>	18

1.0 **PRA-SYARAT PERMOHONAN UNDI POS SECARA ONLINE**

1.1 Syarat-syarat kelayakan untuk membuat permohonan undi pos secara **atas talian (online)** adalah:

- a) Pemohon hendaklah **berdaftar sebagai pemilih (pengundi)** dengan SPR;
- b) Pemohon adalah layak memohon di bawah **Kategori 1B (luar negara)** atau **Kategori 1C (9 agensi)**; dan
- c) Pemohon hendaklah **mendaftar sebagai pengguna MySPR Daftar**.

1.2 **Kategori 1B** adalah warganegara Malaysia yang telah mendaftar sebagai pemilih (pengundi) dan **menetap di luar negara**.

1.3 **Kategori 1C** adalah anggota dari **sembilan (9) Jabatan / Agensi Kerajaan** yang bertugas dalam sektor keselamatan dan kesihatan serta tidak dapat hadir untuk mengundi pada Hari Mengundi kerana bertugas. Jabatan / Agensi tersebut adalah seperti berikut:

- a) Jabatan Penjara Malaysia;
- b) Jabatan Kesihatan (**bagi penjawat awam (petugas kesihatan) yang bertugas di hospital/ klinik dan lain-lain pusat kesihatan sahaja**).

Petugas kesihatan yang telah dilantik oleh SPR untuk bertugas di **khemah bergejala di pusat-pusat mengundi**, sila mohon secara manual di bawah **Kategori 1A - petugas pilihan raya**;

- c) Jabatan Imigresen Malaysia;
- d) Sukarelawan Simpanan Polis (PVR);
- e) Angkatan Pertahanan Awam (APM);
- f) Jabatan Pendaftaran Negara (anggota / kakitangan yang bertugas di *Urban Transformation Centre (UTC) sahaja*);
- g) Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- h) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- i) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

1.4 Pemilih yang telah berdaftar dengan SPR sebagai **Pengundi Tidak Hadir (PTH) TIDAK PERLU MEMOHON UNDI POS** kerana telah layak secara automatic. Kategori PTH adalah seperti berikut:

- a) **Kakitangan awam** yang berkhidmat **di luar negara**;
- b) **Suami/ isteri kepada kakitangan awam** yang berkhidmat **di luar negara**;
- c) **Pelajar sepenuh masa** yang belajar di institut pengajian tinggi **di luar negara**; dan
- d) **Suami/ isteri kepada pelajar sepenuh masa** yang belajar di institut pengajian tinggi di luar negara.

1.5 Pemilih yang layak memohon undi pos di bawah **Kategori 1A** perlu **memohon secara MANUAL** dengan mengemukakan borang permohonan undi pos kepada Pegawai Pengurus tempat mengundi. Borang permohonan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang (*website*) SPR **apabila permohonan undi pos dibuka**. Kategori 1A adalah seperti berikut:

- a) Anggota **tentera** yang tidak dapat hadir mengundi pada Hari Mengundi Awal;
- b) Anggota **polis** termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) yang tidak dapat hadir mengundi pada Hari Mengundi Awal;
- c) **Anggota / Ahli / Pegawai dan kakitangan SPR**;
- d) Petugas **media** yang melaksanakan liputan berkaitan pilihan raya semasa Hari Mengundi; dan
- e) **Petugas pilihan raya** yang telah dilantik oleh SPR (termasuk petugas kesihatan yang bertugas di khemah bergejala di pusat-pusat mengundi).

2.0 **KAEDAH PERMOHONAN UNDI POS SECARA ONLINE**

KATEGORI 1B (LUAR NEGARA)

1. PERMOHONAN

**2. SEMAKAN STATUS DAN MUAT TURUN
BORANG**


PERMOHONAN

Log masuk ke dalam MySPR Daftar

<https://mysprdaftar.spr.gov.my/>

Masukkan:

1. Nombor kad pengenalan,
2. Kata laluan; dan
3. Captcha.




Klik pada submenu **[Permohonan]** pada menu **[UNDI POS]**












Di Bahagian A (Maklumat Pemohon), klik pada **[Kategori]** dan pilih '**PENGUNDI LUAR NEGARA**'.

PERINGATAN:

Pastikan kategori yang dipilih adalah betul. Kesilapan memilih kategori boleh menyebabkan permohonan undi pos anda **DITOLAK**.



<p>Masukkan:</p> <p>1. No. Pasport; dan</p> <p>2. Sebab tinggal di luar negara.</p>	<p>No. Pasport</p> <p>NO. PASSPORT</p> <hr/> <p>Sebab tinggal di luar negara</p> <p>SEBAB TINGGAL DI LUAR NEGARA</p> <hr/>
<p>Semak [Maklumat Peribadi Pemilih] dan [Daftar Pemilih Yang Telah Disahkan] yang dipaparkan.</p>	<p>MAKLUMAT PERIBADI PEMILIH</p> <p>Nama Penuh</p> <p>No. Kad Pengenalan</p> <p>No. Telefon Bimbit</p> <p>E-mel</p> <p>DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN</p> <p>Alamat</p> <p>Lokality</p> <p>Daerah Mengundi</p>
<p>Masukkan alamat kertas undi pos akan dihantar.</p> <p>PERINGATAN:</p> <p>Sila pastikan alamat kertas undi pos yang akan dihantar ini adalah LENGKAP DAN BETUL. Kesilapan memasukkan alamat boleh menyebabkan kertas undi pos TIDAK DAPAT DIHANTAR kepada pemohon.</p>	<p>ALAMAT SURAT-MENYURAT / ALAMAT KERTAS UNDI PERLU DIHANTAR</p> <p>BARIS 1 ALAMAT </p> <hr/> <p>BARIS 2 ALAMAT (MASUKKAN '-' JIKA TIADA) </p> <hr/> <p>BARIS 3 ALAMAT (MASUKKAN '-' JIKA TIADA) </p> <hr/> <p>- NEGERI - </p> <hr/> <p>- BANDAR -  - POSKOD - </p> <hr/>
<p>Baca dan semak dengan teliti Bahagian B (PERMOHONAN), tandakan <input checked="" type="checkbox"/> pada pengakuan dan klik [HANTAR].</p>	<p>BAHAGIAN B (PERMOHONAN)</p> <p>1. Saya seperti nama diatas memohon supaya sesuatu kertas undi pos dihantar kepada saya ke alamat di atas kerana saya berhak untuk mengundi melalui pos berdasarkan kategori yang tersebut di atas.</p> <p>2. Pada masa sekarang saya didaftarkan sebagai seorang pemilih di bahagian pilihan raya P 102 - BANGI / N 27 - BALAKONG di dalam negeri SELANGOR</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan jika saya didapati memberi keterangan palsu saya boleh didakwa di bawah seksyen 191 Kanun Keseksaan dan jika disabitkan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan yang sama iaitu penjara tidak lebih daripada 3 tahun dan juga boleh dikenakan denda.</p> <p>Tarikh 27 JULAI 2021</p> <p>HANTAR</p>

<p>Masukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan MySPR Daftar.</p> <p>Klik [MOHON TAC] untuk meneruskan permohonan atau klik [BATAL] untuk kembali ke paparan sebelumnya.</p>	
<p>TAC akan dihantar ke nombor telefon dan e-mel yang telah didaftarkan dengan MySPR Daftar. TAC hanya boleh digunakan dalam masa 3 minit. Sila tunggu 5 minit jika mahu memohon TAC yang baharu.</p> <p>Masukkan TAC dan klik [HANTAR].</p>	
<p>Permohonan undi pos anda telah diterima dan sedang diproses oleh SPR. Satu notifikasi berkenaan permohonan anda juga telah dihantar ke e-mel yang didaftarkan.</p>	

**SEMAKAN STATUS DAN MUAT TURUN
BORANG PERMOHONAN**

Semakan status permohonan boleh dilakukan di menu **[TRANSAKSI UNDI POS]**.


Borang permohonan undi pos juga boleh dimuat turun di submenu **[Tindakan]**.

Permohonan Undi Pos telah diterima dan sedang diproses. Sila cetak Borang Permohonan Undi Pos (1B) untuk simpanan tuan/puan.

Satu notifikasi telah dihantar kepada e-mel shamsulabujan@gmail.com




Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat atau melalui sistem aduan di <https://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan>.




TRANSAKSI UNDI POS




No.	No. Rujukan	Kategori	Tarikh Mohon	Tarikh Status	Status	Tindakan
1.	POS2021000000048	PENGUNDI LUJAR NEGARA (1B)	12 Julai 2021 12:24:48	-	Belum diproses	 X

KATEGORI 1C (9 AGENSI KERAJAAN)

- 1. PERMOHONAN**
- 2. MUAT TURUN BORANG DAN PERAKUAN
KETUA JABATAN**
- 3. MUAT NAIK BORANG PERMOHONAN
YANG TELAH DIPERAKU**


<p><u>PERMOHONAN</u></p> <p>Log masuk ke dalam MySPR Daftar</p> <p>https://mysprdaftar.spr.gov.my/</p> <p>Masukkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nombor kad pengenalan, 2. Kata laluan; dan 3. Captcha. 	
<p>Klik pada submenu [Permohonan] pada menu [UNDI POS]</p>	
<p>Di Bahagian A (MAKLUMAT PEMOHON), klik pada [Kategori] dan pilih Agensi/ Jabatan dari senarai kategori.</p> <p>PERINGATAN:</p> <p>Pastikan kategori yang dipilih adalah betul. Kesilapan memilih kategori boleh menyebabkan permohonan undi pos anda DITOLAK.</p>	

<p>Semak [Maklumat Peribadi Pemilih] dan [Daftar Pemilih Yang Telah Disahkan] yang dipaparkan.</p>	
<p>Masukkan alamat kertas undi pos akan dihantar. Klik [Salin Alamat Daftar Pemilih] sekiranya alamat surat-menyurat adalah sama dengan alamat di dalam [DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN].</p> <p>PERINGATAN:</p> <p>Sila pastikan alamat kertas undi pos akan dihantar ini adalah LENGKAP DAN BETUL. Kesilapan memasukkan alamat boleh menyebabkan kertas undi pos TIDAK DAPAT DIHANTAR kepada pemohon.</p>	
<p>Baca dan semak dengan teliti Bahagian B (PERMOHONAN), tandakan <input checked="" type="checkbox"/> pada pengakuan dan klik [HANTAR].</p>	

<p>Masukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan MySPR Daftar.</p> <p>Klik [MOHON TAC] untuk meneruskan permohonan atau klik [BATAL] untuk kembali ke paparan sebelumnya.</p>	
<p>TAC akan dihantar ke nombor telefon dan e-mel yang telah didaftarkan dengan MySPR Daftar. TAC hanya boleh digunakan dalam masa 3 minit. Sila tunggu 5 minit jika mahu memohon TAC yang baharu.</p> <p>Masukkan TAC dan klik [HANTAR].</p>	
<p>Permohonan undi pos anda telah diterima oleh SPR.</p> <p>Walau bagaimanapun, pemohon perlu mendapatkan perakuan daripada Ketua Jabatan dan memuatnaik semula borang yang telah diperaku tersebut ke dalam MySPR Daftar.</p>	

MUAT TURUN BORANG PERMOHONAN DAN PERAKUAN KETUA JABATAN

Pemohon perlu memuat turun borang permohonan dan **DAPATKAN PERAKUAN** dari Ketua Jabatan.


Borang permohonan undi pos boleh dimuat turun di menu [TRANSAKSI UNDI POS]. Klik ikon  pada submenu [Tindakan].

Permohonan Undi Pos telah diterima dan sedang diproses. Sila cetak Borang Permohonan Undi Pos (1B) untuk simpanan tuan/puan.

Satu notifikasi telah dihantar kepada e-mel shamsulabujan@gmail.com

Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat atau melalui sistem aduan di <https://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan>.

TRANSAKSI UNDI POS

No.	No. Rujukan	Kategori	Tarikh Mohon	Tarikh Status	Status	Tindakan
1.	POS2021000000048	PENGUNDI LUJAR NEGARA (1B)	12 Julai 2021 12:24:48		Belum diproses	 K

Pada borang permohonan, sila lengkapkan **Bahagian C: PERAKUAN**

NOTA:

1. Sila lengkapkan “sebab tidak dapat hadir mengundi pada hari mengundi” seperti di bawah:

Bertugas pada Hari Mengundi

2. Pastikan ruangan tarikh dilengkapkan; dan
3. Pastikan ruangan tanda tangan Ketua Jabatan/Majikan **ditandatangani DAN dicop rasmi** oleh Ketua Jabatan.

Kegagalan melengkapkan Bahagian C ini akan menyebabkan permohonan undi pos DITOLAK.

BAHAGIAN C : PERAKUAN

Saya dengan ini memperakukan bahawa pemohon bagi kategori di atas tidak dapat hadir mengundi pada hari mengundi kerana




.....

(sila nyatakan sebab dengan jelas)

Bertarikh :

* Ketua Jabatan / Majikan
(Tandatangan & Cap Rasmi)

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan



<p><u>MUAT NAIK BORANG PERMOHONAN YANG TELAH DIPERAKU</u></p> <p>Klik pada menu [UNDI POS] dan klik pada [Permohonan].</p>	 <p>The screenshot shows a navigation menu under the heading 'PENDAFTARAN'. It includes 'Status Saya', 'Sejarah Borang A', and 'UNDI POS'. Under 'UNDI POS', the 'Permohonan' option is highlighted with a red rectangular box, and a mouse cursor is pointing at it.</p>
<p>Klik ikon  untuk memuat naik borang permohonan yang telah diperaku oleh Ketua Jabatan.</p>	 <p>The screenshot shows a notification message: '8892 7018 dalam waktu pejabat atau melalui an.' Below the message is a table with columns: 'Tarikh Status', 'Status', and 'Tindakan'. In the 'Tindakan' column, there is a blue button labeled 'Menunggu Borang Dimuat Naik' and an upload icon. The upload icon is highlighted with a red rectangular box, and a mouse cursor is pointing at it.</p>
<p>Pilih fail borang permohonan yang telah diperakukan oleh Ketua Jabatan dan klik [MUAT NAIK] untuk menghantar borang tersebut atau klik [KEMBALI] untuk kembali ke paparan sebelumnya.</p> <p>Sistem akan memaparkan notifikasi borang permohonan telah Berjaya dimuatnaik.</p> <p>Semakan status permohonan undi pos boleh dibuat di menu [UNDI POS] dan submenu [Transaksi Undi Pos].</p>	 <p>The screenshot is split into two parts. The top part shows the 'MUAT NAIK' form with the title 'Muat Naik Borang Yang Telah Diperakukan Oleh Ketua Jabatan / Majikan'. It features a 'BORANG' input field, a file size limit of 500 KB, and allowed formats (JPG, PNG, PDF). There are 'KEMBALI' and 'MUAT NAIK' buttons at the bottom. The bottom part shows a green 'NOTIFIKASI' banner with the message: 'Muat naik borang perakuan ketua jabatan / majikan berjaya.' and a 'KEMBALI' button.</p>

3.0 PEMBATALAN PERMOHONAN UNDI POS

Dalam satu-satu masa, hanya satu sahaja permohonan undi boleh dibuat. Pemohon perlu terlebih dahulu membatalkan permohonan sedia ada sekiranya ingin membuat permohonan baharu.

Walau bagaimanapun, permohonan undi pos **TIDAK BOLEH DIBATALKAN** sekiranya permohonan undi pos **TELAH DILULUSKAN** oleh SPR.

Berikut adalah kaedah membatalkan permohonan undi pos di dalam MySPR Daftar:

<p><u>PEMBATALAN PERMOHONAN UNDI POS</u></p> <p>Untuk membatalkan permohonan undi pos, klik pada menu [UNDI POS] dan klik pada submenu [Transaksi Undi Pos].</p>																
<p>Klik ikon X pada submenu [Tindakan] untuk membatalkan permohonan.</p>	 <table border="1" data-bbox="794 1556 1492 1691"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Tarikh Mohon</th> <th>Tarikh Status</th> <th>Status</th> <th>Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>UNDI LUAR</td> <td>12 Julai 2021</td> <td>-</td> <td>Selesai</td> <td>X</td> </tr> <tr> <td>UNDI DALAM NEGERI (18)</td> <td>12:24:48</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Tarikh Mohon	Tarikh Status	Status	Tindakan	UNDI LUAR	12 Julai 2021	-	Selesai	X	UNDI DALAM NEGERI (18)	12:24:48	-	-	-
Kategori	Tarikh Mohon	Tarikh Status	Status	Tindakan												
UNDI LUAR	12 Julai 2021	-	Selesai	X												
UNDI DALAM NEGERI (18)	12:24:48	-	-	-												

Masukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan MySPR Daftar dan klik **[MOHON TAC]** untuk meneruskan pembatalan atau klik **[KEMBALI]** untuk kembali ke paparan sebelum ini.

Sistem akan menghantar TAC ke nombor telefon bimbit (SMS) dan e-mel yang didaftarkan dalam MySPR Daftar.

Ruangan input No. TAC akan dipaparkan. Masukkan TAC dan klik **[HANTAR]**.

The screenshot shows a notification interface with a red header labeled "NOTIFIKASI". The main text asks, "Adakah anda pasti untuk membuat PEMBATALAN undi pos ini?". Below this, there are two input fields: "No. Kad pengenalan" with a card icon and "Kata Laluan" with a lock icon and a toggle for visibility. At the bottom right, there are two buttons: "KEMBALI" in blue text and "MOHON TAC" in white text on a grey background.

4.0 **PERTANYAAN**

4.1 Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan permohonan undi pos secara *online*, sila hubungi *hotline* SPR di talian +603-8892 7018 dalam waktu pejabat (8.30 pagi – 5.30 petang) atau melalui sistem aduan di <http://www.spr.gov.my/ms/aduan-pertanyaan> atau melalui e-mel berikut:

- a. Pertanyaan umum berkenaan undi pos/undi pos *online* atau berkenaan undi pos **Kategori 1B**: upup@spr.gov.my
- b. Pertanyaan berkenaan undi pos **Kategori 1C**: upup1C@spr.gov.my